

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 38 RABU 20 SEPTEMBER, 1967. رابو 15 جمادي الاخير 1387 PERCHUMA

*Allah Selamatkan D.Y. M. M. Maulana Al-Sultan*

### Raayat di-seru supaya usahakan tanah2 di-luar bandar untok tinggikan taraf hidup

**MULAUT.** — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menggesa raayat negeri ini supaya mengusaha dan memajukan tanah2 di-sepanjang jalan2 dalam kawasan luar bandar.

Beliau berkata, dengan bertambah-nya tanah2 yang di-usahakan untok pertanian, hasil pengeluaran makanan akan bertambah dan ini akan dapat memperbaiki taraf hidup raayat.

Pemangku Menteri Besar berkata demikian ketika berucap kepada penduduk2 Mulaut, semasa merasmikan pembukaan jalan kecil luar bandar yang baru, di-antara Mulaut, Tanjong Nangka dan Bebatek pada hari Sabtu lepas.

Jalan kecil itu, merupakan salah satu dari beberapa projek luar bandar bagi faedah penduduk2 kawasan luar bandar.

Projek itu bertujuan untok memperbaiki pengangkutan di-antara kampung2 dan memudahkan lagi perhubungan di-antara penduduk2 melalui rangkaian jalan2 kecil luar bandar.

#### PERKEMBANGAN

Jalan kecil Kampung Mulaut-Bebatek dan Mulaut-Tanjong Nangka itu telah di-bena di-bawah perkembangan luar bandar dan menelan belanja lebih dari \$35,000 dan jalan itu ada-lah sepanjang 261 rantai.

Menyentuh tentang projek di-bawah rancangan pembangunan luar bandar di-masa2 depan, Pemangku Menteri Besar menyatakan bahawa projek2 tersebut akan di-perbaiki dan di-perbesar sesuai dengan keperluan keadaan dan per-

kembangan dari semasa kasesama.

Beliau menyeru penduduk2 di-situ supaya menggunakan jalan kecil itu dan meneruskan kerjasama mereka dengan kerajaan untok menjamin kemajuan dan kema'moran negara.

Pemangku Menteri Besar dan rombongan beliau termasuk Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohamad Ali bin Awang Besar telah disambut oleh Awang Haji Mohamad Ja'afar bin Dato Setia-awan Haji Tunggal selaku wakil Ketua Kampung Mulaut.

Awang Haji Ja'afar menyatakan, penduduk2 di-kawasan itu ada-lah terhutang budi kepada kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kerana memberikan kemudahan2 kepada raayat.

Kata-nya, kerajaan bukan sahaja membena jalan2 untok mereka, malahan mengadakan juga perbekalan letrik dan ayer.

Awg. Haji Ja'afar memberikan jaminan kepada Pemangku Menteri Besar bahawa penduduk2 kampung tersebut sentiasa akan bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha melaksanakan projek2 untok faedah mereka.



Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof sedang melaksanakan pembukaan jalan kecil di-kampung Mulaut pada hari Sabtu lepas.

### Brunei buat chadangan jalan raya agar selaras dengan di-Malaysia

**BANDAR BRUNEI.** — Rombongan sa-ramai lima orang dari Brunei ka-persidangan Pegawai2 Asia Tenggara mengenai pengangkutan dan perhubungan yang telah berlangsung di-Kuala Lumpur dari 4 hingga 7 September telah kembali ka-tanah ayer.

Mereka ia-lah Awang Abdul Ghani bin Jamil, Pengawal Kenderaan Darat, Awang Talib bin Derwish, Timbalan Pengarah Kerja Raya, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Abdullah bin Hj. Ja'afar, penolong Pegawai Daerah Belait dan Dato J. S. Gould, Penasihat Ekonomi Bangsa2 Bersatu kepada kerajaan.

Sa-orang juruchakap rombongan itu berkata, persidangan tersebut merupakan satu permulaan yang baik dalam kerjasama daerah di-bidang pengangkutan dan perhubungan yang bertujuan untok memper-

cepatkan perkembangan ekonomi dan sosial di-negara2 Asia Tenggara.

Dalam persidangan itu, rombongan tersebut menhadangkan bahawa rancangan2 jalan raya negeri Brunei hendak-lah selaras dan di-satukan dengan projek2 jalan raya bagi Malaysia.

Dalam bidang perhubungan pula, rombongan itu membincangkan beberapa projek2 tertentu mengenai usaha menyambungkan sistem perhubungan Brunei kepada negara2 tetangga dengan alat2 penerangan microwave dan V.H.F.

(Lihat muka 8)

## LEBEH SA-RATUS ORANG MURID SEKOLAH TERIMA HADIAH PEN DARI SHARIKAT MINYAK

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-ramai 57 orang murid lelaki dan 57 orang murid perempuan dari Sekolah Inggeris dan Melayu dalam kawasan Brunei Satu dan Brunei Tiga telah menerima hadiah sa-batang fountain pen tiap2 sa-orang dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Hadiah2 tersebut telah di-sampaikan oleh Awang J. Sullivan sa-bagai wakil dari Sharikat tersebut pada hari Isnin lepas dalam satu majlis yang di-langsungkan di-Sekolah Melayu SMJA, Pesar Ulak.

Hadiah fountain pen itu diberikan oleh Sharikat Shell pada tiap2 tahun kepada murid2 lelaki dan perempuan yang telah membuat kemajuan yang paling baik sa-panjang tahun dalam darjah masing2.

Hadiah tersebut ia-lah untuk tahun 1965 dan 1966.

Dalam ucapan-nya di-majlis menyampaikan hadiah2 itu, Awang Sullivan berkata, Sharikat Minyak Shell ada-lah memberikan perhatian berat terhadap kemajuan pelajaran di-negeri ini.

Untuk menggalakkan murid2 lelaki dan perempuan dalam pengajian mereka, maka sharikat ini menghadihkan fountain pen pada tiap2 tahun, "tegas beliau".

Awang Sullivan menambah kata, kalau di-kira dengan wang fountain pen itu tentu-lah tidak berharga, tetapi ia-nya merupakan penghargaan Sharikat terhadap kejayaan pelajar2 sa-panjang tahun.

Pada hari berikut-nya wakil Sharikat tersebut telah menyampaikan hadiah yang sa-rupa kepada 152 orang murid dari kawasan Brunei Dua.

Hadiah2 tersebut telah di-sampaikan di-Sekolah Melayu Sengkurong dan Dato Marsal dari Kampong Jaya Setia.

Majlis itu juga telah di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim dan Tanjong Maya da-

lam mana sa-ramai 55 orang murid lelaki dan 55 orang murid perempuan telah menerima hadiah yang sa-rupa.

Murid2 tersebut ia-lah murid2 dari daerah Tutong.

Murid2 dari daerah Temburong telah juga menerima hadiah yang sama pada 18 September bertempat di-Sekolah

Melayu Sultan Hassan Bangar.

Sa-ramai 48 orang murid telah di-sampaikan oleh wakil dari Sharikat Minyak Shell.

Murid2 di-daerah Belait akan menerima hadiah2 yang sa-rupa pada hari Isnin 25 September di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dan Muhammad Alam, Seria.



Gambar di-atas kelihatan Dayangku Maskatun bte. Pengiran Haji Abu Bakar sedang menerima sa-batang fountain pen dari Awang J. Sullivan, wakil Sharikat Minyak Shell dalam satu majlis menyampaikan hadiah2 dari Sharikat tersebut bagi murid2 yang terbaik bagi tahun 1965 dan 1966 yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu SMJA, Pesar Ulak, Bandar Brunei.

## MUSIUM BELI TEMBIKAR CHINA UNTUK BAHAN PAMERAN

**BANDAR BRUNEI.** — Penyelenggara Musium Brunei, Pengiran M. Sharifuddin telah kembali dari lawatan sa-lama lima hari ka-Sarawak dengan membawa pulang satu himpunan tembikar China dan zamrud yang indah untuk musium negeri ini.

Pengiran Sharifuddin menyatakan bahawa beliau telah membeli barang2 itu dari sumber private di-Sarawak dengan harga sa-banyak \$135,000. Barang2 tersebut ada-lah bermacam2 jenis yang terdapat dari wangsa Tang hingga wangsa Ching.

Penyelenggara Musium itu menyatakan, pembelian tembikar2 China dan zamrud itu ada-lah sa-bahagian dari rancangan musium untuk memamerkan sa-beberapa banyak barang yang mempunyai keindahan sejarah.

Musium Brunei juga telah membeli mas Limbang dari London yang berharga \$9,000. Mas tersebut, dalam bentuk barang2 kemas telah di-gali dalam kawasan Limbang dalam tahun 1947 dan tahun 1948.

Pengiran Sharifuddin menambah kata, sa-takat ini Musium Brunei telah membeli barang2 yang mempunyai keindahan sejarah dari pelbagai sumber dengan harga kira2 sa-banyak \$400,000.

Sementara itu Musium itu telah menghantar sa-orang kakitangan-nya, Awang Abdul Wahid bin Hussein ka-Kuala Lumpur pada minggu lalu untuk mengikut kursus sa-bagai pelukis di-Musium Negara sa-lama 3 tahun.

Tiga orang pegawai Musium lain-nya sedang berkursus di-sa-berang laut. Sa-orang pelatoh teksidami di-Kuala Lumpur, sa-orang ahli kaji manusia di-Britain dan sa-orang pegawai perpustakaan di-New Zealand.

**6,000 buah buku hadiah dari Perpustakaan Ranfurly untuk belia2**

**BANDAR BRUNEI.** — Perkhidmatan Perpustakaan Ranfurly, England telah menghadihkan lebeh dari 6,000 buah buku kepada Brunei untuk di-bahagi2kan kepada sekolah2, kelab2 belia dan lain2 pertubohan untuk menolong mereka dalam pengajian bahasa Inggeris.

Dari jumlah itu, sa-banyak 2,900 buah buku telah pun tiba di-Brunei dan sa-jumlah 3,500 buah lagi di-jadualkan akan tiba pada akhir bulan ini.

Buku2 yang tiba itu pada masa ini sedang di-asing2kan oleh Persatuan Kebajikan Corona Wanita Brunei sa-belum di-bahagi2kan ka-sekolah2 Inggeris, kelab2 belia dan lain2 pertubohan yang menggunakan bahasa Inggeris.

Tiap2 bahagian itu akan menerima sa-bilangan buku2 tersebut untuk di-peredarkan kepada ahli2-nya.

Sa-lepas beberapa waktu buku2 itu akan di-kembalikan ka-bahagian Pengurus Pusat di-Bandar Brunei untuk di-gantikan dengan buku2 yang lain pula yang telah di-pinjamkan kepada lain2 persatuan atau bahagian2 yang telah di-hantar kepada mereka.

Dengan jalan ini maka dapat-lah semua ahli2 persatuan, kelab2 belia, sekolah2 dan lain2 pertubohan itu membaca beberapa buah buku menerusi chara susunan saperti itu.

Buku2 yang di-hadihkan oleh Perkhidmatan Perpustakaan Ranfurly itu ada-lah berdasarkan kepada cerita2 rekaan dan kenyataan dalam bahasa Inggeris ka-negeri2 yang ingin mempelajari dan ingin meninggikan pengetahuan Bahasa Inggeris mereka.

## 2 LAGI MASOK PERSEKUTUAN PELADANG

**BANDAR BRUNEI.** — Dua buah lagi persatuan2 peladang telah diterima menjadi ahli Persekutuan Peladang Negeri Brunei yang menjadikan bilangan persatuan2 yang bergabung di-dalam-nya sa-banyak 62 buah dan mempunyai ahli sa-ramai 3,100 orang.

Persatuan2 yang baru itu ia-lah dari Kampong Tungulian, Sungai Liang, Daerah Belait dan Kampong Limau Manis, Ulu Brunei.

## MEMBETULKAN KESILAPAN

Dalam Pelita Brunei keluaran minggu lepas, 13 September, 1967 di-ruangan muka tengah mengenai keterangan gambar terdapat kesilapan tentang nama pelakon yang mengambil bahagian dalam filem cerita 'Gema Dari Menara'.

Keterangan2 gambar yang menyebutkan nama Haron Haji Hamzah adalah salah dan yang sa-benar-nya ia-lah Haron Md. Don yang memegang peranan sa-bagai Nordin dalam cerita filem tersebut.

Haron Md. Don ia-lah sa-orang pekerja di-Filem Negara Malaysia. Pengarah-nya filem Gema Dari Menara ini ia-lah Mohsbi, juga dari Filem Negara Malaysia.

# PERLAWANAN SILAT DAN KUNTAU DAERAH BRUNEI

## IDRIS MENANGI DUA KEJOHANAN

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan Silat dan Kuntau bagi memilih kejohanan Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-atas sa-buah di pentas di-Padang Besar, Bandar Brunei pada minggu lalu.

Pertandingan itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Penulong Pegawai Daerah, Awang Chuchu bin Panglima Asgar dan telah di-saksikan oleh kira2 700 orang peminat2 silat dan kuntau di-Daerah Brunei.

Pertandingan peringkat daerah itu ada-lah bagi memilih wakil2 Daerah Brunei dan Muara ka-pertandingan peringkat seluruh Negeri yang di-jadualkan berlangsung di-Pekarangan Istana Darul Hana pada 23 September, 1967.

Pertandingan tersebut adalah satu acara perayaan kerana menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51 tahun.

Dalam pertandingan peringkat Daerah Brunei dan Muara itu sa-banyak 12 orang peserta Silat dan empat orang ahli Kuntau telah mengambil bahagian.

Johan bahagian Silat di-menangi oleh Awang Idris bin Metussin dari Kampong Peramu; Naib Johan Awang Seruji bin Haji Omar dari Kampong Burong Pingai, Berakas dan yang ketiga di-menangi oleh Awang Daud bin Ajak dari Kampong Batu Marang, Muara.

Johan bahagian Kuntau, gelaran Johan di-sandang lagi oleh Awang Idris bin Metussin;

Naib Johan, Awangku Salleh bin Pengiran Metarsad dan yang ketiga, Awangku Daud bin Pgn. Mohammad Salleh.

Ak. Salleh dan Ak. Daud ia-lah peserta2 dari Kampong Bakut Si-Raja Muda.

Dalam perlawanan peringkat negeri tahun lalu, gelaran Johan Bahagian Silat di-menangi oleh Awang Piut bin Ja'afar dan gelaran Johan Bahagian Kuntau Seluruh Negeri di-sandang oleh Awang Wahab bin Tengah.

Kedua2 mereka itu ada-lah wakil Daerah Brunei dan Muara dalam perlawanan peringkat Negeri tahun lalu.

Kedua2 Juara Silat dan Kuntau itu telah dapat mempertahankan gelaran kejohanan mereka sa-lama tiga tahun berturut2 sejak tahun 1964.

Tahun ini kedua perkara itu telah tidak mengambil bahagian sa-telah tiga tahun menemponh kejayaan dan mengundol perisai2 kemenangan mereka kurnia dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan



Awang Idris bin Metussin yang menyandang dua gelaran johan ia-itu Johan Silat dan Johan Kuntau (kanan) di-gambar sa-waktu menjalani perlawanan silat dengan lawan-nya Awangku Salleh bin Pengiran Matarsad.



Naib Johan bahagian Silat, Awang Seruji bin Haji Omar (sa-belah kanan) ketika menjalani perlawanan dengan Awang Daud bin Ajak dalam bahagian Silat.



Gambar atas menunjukkan sa-belah kanan ia-lah Awang Abdul Wahab bin Tengah ahli Kuntau di-Daerah Brunei dan Muara yang telah berjaya mempertahankan gelaran kejohanan-nya sa-lama tiga tahun berturut2 sejak tahun 1964 bagi perlawanan seluruh negeri. Awang Piut bin Ja'afar, (Sa-belah kiri) sa-orang ahli Silat dari Daerah Brunei dan Muara juga yang menyandang gelaran johan sa-lama tiga tahun berturut2 dalam bahagian Silat seluruh negeri sejak tahun 1964. Kedua2 perisai yang di-menangi mereka itu ada-lah kurnia dari Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

## PERARAKAN CHUCHUL DI-LAUT

**BANDAR BRUNEI.** — Satu perarakan motobot dan perahu berhias serta berchuchul adalah di-antara acara2 sambutan untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kali yang ke-51 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Perarakan di-ayer itu yang di-jadualkan berlangsung pada 30 September, di-Sungai Brunei dalam kawasan Kampong Ayer akan merupakan merchu dari pesta2 sambutan Hari Keputeraan bagi Bandar Brunei.

Perarakan tersebut akan bermula dari Ulu Sungai Pulau Sibungor, dan akan berjalan melalui perayeran di-hadapan tempat kediaman Pesuruhjaya

Tinggi British hingga ka-Kampong Burong Pingai.

Motobot yang berchuchol dengan chorak yang paling menarik sekali dari jumlah motobot2 yang mengambil bahagian akan menerima Piala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, sa-buah mangkok perak, dan wang tunai sa-banyak \$200 sa-bagai hadiah.

Hadiah kedua ia-lah wang tunai sa-banyak \$175 dan hadiah ketiga wang sa-banyak \$150.

Tiga hadiah sagu hati akan juga di-adakan, tiap2 satu merupakan hadiah wang tunai sa-banyak \$50.

20 SEPTEMBER, 1967

## JALAN KECHIL DI-KAMPONG2

**P**EMANGKU Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim baru saja merasmikan pembukaan sa-batang jalan luar bandar yang menghubungkan Kampung2 Mulau, Tanjong Nangka dan Bebatek.

Beberapa batang jalan kechil telah pun siap di-bena dan di-antara-nya mempunyai panjang hingga 5 atau enam batu yang menghubungkan sa-buah kampung dengan sa-buah kampung yang lain di-luar bandar yang bukan hanya terdapat di-Daerah Brunei dan Muara saja bahkan di-daerah2 yang lain juga.

Tujuan2 utama kerajaan membena jalan2 kechil itu ialah kerana memberi kemudahan dan kesenangan kepada penduduk2 kampung dan harus-lah kita sama2 fahami bahawa jalan kechil itu di-bena bukan-lah untuk memberi peluang kepada peniaga2 asing untuk membawa perniagaan mereka ka-kampung2, bahkan ada-lah sa-mata2 untuk menyenangkan orang2 kampung guna membawa ka-bandar2 dari hasil pertanian yang mereka usahakan.

Harus-lah juga kita sedari bahawa projek2 yang di-khususkan bagi rancangan luar bandar, khas-nya bagi pembeanaan jalan2 kechil ini tidak-lah akan mendatangkan faedah yang sa-wajar-nya, jika ia-nya tidak benar2 di-gunakan dan hanya terbentang sa-bagai satu jalan yang kaku dan tidak memberikan pengertian pada tujuan asal Kerajaan.

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar telah menyeru seluruh penduduk2 negeri ini supaya mengusahakan tanah2 yang terdapat di-sepanjang kiri kanan jalan raya di-kawasan luar bandar.

Beliau menjelaskan bahawa jika lebeh banyak tanah yang di-usahakan maka hasil pengeluaran bahan2 makanan akan dapat di-tambah dan taraf penghidupan juga akan bertambah tinggi.

Ini dapat-lah kita sifatkan sa-bagai satu petunjuk bahawa tanah2 yang terdapat di-keliling jalan itu betapa penting-nya jika kita gunakan dengan sa-baik2-nya yang sa-chara langsung akan dapat membuat perkhidmatan2 yang besar arti-nya terhadap pembangunan dan kema'moran negeri ini.

Kerajaan akan sentiasa memelihara dan memperbaiki tentang masa depan projek2 di-bawah rancangan pembangunan luar bandar dan akan di-selaraskan mengikut keadaan masa.

Walau bagaimana pun, Kerajaan merasa bangga bahawa sa-bilangan besar penduduk2 luar bandar di-negeri ini telah benar2 memahami tujuan2 pokok bagi mengadakan projek2 itu dan mereka telah menunjukkan perkhidmatan2 yang che-merlang dan harapan Kerajaan semoga khidmat2 yang besar arti-nya itu akan terus berjalan dengan lebeh baik lagi.

## BELIA DALAM MENGATASI KEPINCHANGAN MASHARAKAT

**S**UATU rumusan telah di-istiharkan dalam kempen menentang keburloran bahawa sa-tengah dari penduduk2 dunia ini ada-lah kekurangan bahan2 makanan; sa-tengah dari kanak2 di-dunia ini telah kejangkitan penyakit TB yang menjangkit apabila berumur 14 tahun; sa-tengah dari penduduk2 di-dunia ini yang berumur 15 tahun ka-atas yang tidak pandai menulis atau membaca; dan sa-paroh dari permukaan tanah di-bumi ini belum lagi di-gunakan untuk mengeluarkan hasil bahan2 makanan.

Maka oleh yang demikian, kita sa-bahagian kecil dari penduduk2 di-dunia ini hendak-lah bersama2 perchaya, kita hendak-lah tahu, kita mesti sedar, dan kita mesti berikrar dengan sa-daya upaya yang ada pada kita untuk mengatasi kepinchangan2 tersebut yang ada dalam masharakat kita sendiri terutama-nya.

Perjuangan kita dalam Persatuan, ia-itu perjuangan dalam berpersatuan ada-lah sa-baik2 saluran untuk mencapai chita2 murni itu dari berjuang dalam gelanggang politik yang alang-kepalang. Perjuangan dalam berpersatuan lebeh aman, lebeh mesra dan lebeh2 lagi mendatangkan persafahaman apabila perseleahan di-atasi dengan yang lain.

Persatuan belia dan persatuan kebajikan ia-lah satu2-nya kumpulan manusia yang membentuk masharakat yang tenteram-ma'amor dan mempunyai peribadi dan akhlak yang penoh bersopan santun lagi bernilai hidup-nya.

Kita tidak dapat menafikan bahawa dalam persatuan ini sendiri ada terdapat kepinchangan, tetapi kita juga sedar bahawa tidak semua kepinchangan dapat di-benteras sa-rentak sa-kali gos melainkan apabila seperti kita mendaki tangga kemajuan ada-lah menurut proses perkembangan manusia dan alam.

Kita lahir ada-lah sa-bagai sa-orang bayi yang hanya pandai menangis dan menggoyang2-kan tangan dan kaki yang ia-nya sendiri belum mengerti akan perbuatan itu. Kemudian bayi itu beransor tumbuh dan menjadi kanak2 dengan kependaian2 yang lain satu demi satu dari sa-hari ka-sa-hari, dari sa-bulan ka-sabulan dan sa-terus-nya dari sa-tahun ka-satahun hingga kanak2 itu pandai menyebut huruf2 dengan faseh dan terang dan tahu pula akan ma'ana-nya.

Akhir-nya ia menjadi dewasa, remaja dan menjadi-lah ia sa-orang belia yang lengkap seperti kita sekarang ini.

Dalam keluaran PELITA BRUNEI kali ini, maka di-siarkan sa-buah renchana oleh Awang Zulkiflee bin Haji Abdullah, Pengelola Persatuan2 Belia Sa-Negeri Brunei mengenai landasan2 yang harus di-lalui oleh sa-tiap pergerakan persatuan2 belia.

Dalam renchana ini, beliau mengutarakan beberapa jurusan2 yang harus di-kuasai oleh sa-tiap persatuan2 belia itu supaya pergerakan mereka tidak terbabas kapada jurusan2 yang terkeluar dari undang2.

Awang Zulkiflee juga mengutarakan betapa penting-nya perpaduan dan persafahaman dan betapa rugi-nya jika persatuan2 belia di-negeri ini tidak mengamalkan dasar2 tersebut.

PELITA BRUNEI juga akan menerbitkan berita2 tentang kegiatan persatuan2 belia di-seluruh negeri, terutama tentang pelaksanaan projek2 persatuan.

Proses tumbuh-nya sa-orang bayi Melayu hingga menjadi sa-orang belia ini ada-lah sama dengan belia2 berbangsa lain, berkulit lain dan pinde-nya tidak ada beza-nya dari bayi ini bayi itu. Maka demikian-lah hal-nya perkembangan dan kemajuan kita dalam satu2 perkara yang kita pertanggung jawapkan, ada-lah terpulung kapada kita sendiri sa-bagai



Awang Zulkiflee

pembentuk-nya akan menentukan perkembangan sa-suatu projek yang kita buat.

Bagi kita di-Brunei ini, sa-buah negara yang terbahagi kapada daerah2, demikian-lah sa-mesti-nya kemajuan dan perkembangan ada-lah terletak kapada pentadbir sa-suatu kawasan itu. Undang2 dan peratoran2 ada-lah sama seluruh negeri — dan tidak ada fasal mengapa persatuan ini boleh maju walaupun dalam berbeza bidang.

"Time and tide wait no one" kata pepatah Ingeris. Suboh akan tetap menjelang walau dengan ketiadaan kokok ayam. Masa ada-lah emas dan masa ada-lah lebeh berharga dari wang, oleh itu kita harus menyedari perjalanan

masa supaya kita tidak di-tinggalkan-nya.

Apabila sa-suatu kerja kita anjakkan hingga besok maka hari besok tidak akan berhabisan, dan dari itu surat2 sampai tidak berjawab hingga berbulan2 atau bertahun2.

Kita tidak kurang dari kesibokan, atau ada kerja sa-lagi kita bernafas dan akan hidup sa-bagaimana juga manusia yang lain. Kerja kita hanya akan selesai apabila badan bercherei dengan nyawa. Oleh itu hidup kita terpaksa dilateh untuk menyiapkan kerja "up-to-date" jangan sa-kali2 mengharapkan hari besok untuk membuat kerja2 hari ini, kerana besok ada-lah dalam tangan Allah. Segala2 akan terjadi kapada diri kita dan kapada diri orang lain dalam tempoh 24 jam itu.

Melalui halaman ini, izinkan-lah saya menyeru belia2 supaya menggunakan segala apa daya dan kemudahan yang ada pada diri persatuan ini dengan tidak berleengah2.

Apabila suatu perkara itu sudah menjadi keputusan untuk kita buat maka jadikan-lah ia nekat kita dan jayakan-lah dengan segera dengan hati2 dan penoh perchaya.

Tiap2 buah persatuan atau pertubuhan belia dan kebajikan itu ada-lah bertuboh dengan di-kawal dan di-pimpin oleh peratoran masing2 sa-bagaimana juga kaki-tangan2 Kerajaan berjalan atas dasar2 General Order yang tidak menghalang sa-barang pegawai dari membuat kerja2 sosial dan kebajikan yang mendatangkan dan menjamin ketenteraman jiwa ra'ayat yang hauskan ilmu pengetahuan dalam ertikata yang luas dan lebar.

Ada-lah chita2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk melihat ra'ayat Brunei ini sentiasa dalam keadaan aman bahagia dan ma'amor.

Kerajaan menggalakkan kita bergerak dalam bidang2 kebajikan yang bebas dan yang mendorong supaya sa-tiap masharakat dalam negeri ini menyedari betapa penting-nya hidup bermuafakat, bertolong2an semasa sendiri — yang cherdek pandai menunok-ajar kapada yang "mumu", yang kuat menolong yang lemah, dan yang kaya bermurah hati untuk berderma kapada yang miskin.

Sa-bagai sa-bahagian dari ra'ayat yang sadar dan bertanggung jawab, persatuan2 belia hendak-lah mengorak langkah, sa-langkah demi sa-langkah ka-hadapan untuk menyahut seruan Kerajaan dalam bidang2 membenteras bentok2 kepinchangan masharakat-nya.

Kejayaan yang terchapai itu adalah hasil dari kepercayaan kapada diri sendiri dan saling perchaya memperchayai.

Lebeh2 lagi apabila ahli2-nya boleh meyakinkan bahawa kerja bergotong royong itu ada-lah sa-baik2 chara untuk merengankan sa-berat2 tugas dan boleh menanam semangat bertanggung jawab dan berani atas kebenaran.

Hasil yang dapat kita saksikan hari ini dari keyakinan persatuan2 belia ia-lah terdiri-nya bangunan2 (Lihat muka 8)

## USAHA MEMBEKALKAN KAYU KAYAN YANG BAIK KAYU "BINDANG" DI-TANAM DI-SUNGAI LIANG

SUNGAI LIANG, BELAIT— Jabatan Kehutanan telah memindahkan lebih dari 1,000 batang anak pokok kayu kapur ka-kawasan perchubaaan menanam sa-mula hutan di-Sungai Liang.

Pemangku Pemeliharaan Hutan, Awang Zainal Abidin b. Mohammad berkata, kerja2 pemindahan itu telah selesai dalam bulan lalu.

Beliau menambah kata, satu lagi kawasan sa-luas 50 ekar di-Hutan Simpanan Andulau dekat Sungai Liang telah ditanam dengan anak2 pokok kayu Bindang.

Kayu Kapur dan Bindang ada-lah dua jenis kayu kayan tempatan yang telah di-pilih oleh Jabatan Kehutanan dalam perchubaaan-nya untuk menanam sa-mula tanah yang terbiar, bagi mendapatkan kayu kayan yang berguna.

Kayu Bindang ada-lah diperlukan bagi pasaran sa-be-rang laut.

Sa-tengah dari kayu Bindang telah di-expotkan ka-Australia

pada masa2 lampau bagi pembikinan papan berlapis (plywood).

Awang Zainal berkata, jabatan-nya memberikan pertolongan ka-pada beberapa buah negara dalam ranchangan menanam sa-mula dan telah mengexpotkan beneh2 kayu Bindang ka-negeri Peranchis, India, Malaysia Barat dan Sarawak.

Ranchangan menanam sa-mula hutan ada-lah bertujuan

untuk menanam sa-mula pokok2 kayu yang berguna ditanah2 yang terbiar, menche-gah kerosakan tanah, memba-baiki lagi tanah yang subur dan menjamin pembekalan kayu kayan untuk perniagaan yang baik.

Perchubaaan pertama menanam pokok2 jenis "pain" di-Sungai Liang telah di-jalankan dalam tahun 1960 dan pokok2 pain di-situ telah naik sa-tinggi 20 kaki.

## RAAYAT BRUNEI DI-M'SIA BARAT RAIKAN HARI JADI D.Y.M.M. KA-51

BANDAR BRUNEI. — Raayat Brunei yang pada masa ini sedang berada di-Malaysia Barat telah meranchang hendak mengadakan sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan memperingati Perlembagaan Brunei.

Satu mashuarat kerana mengadakan ranchangan itu telah di-langsungkan di-rumah Awg. Alak Betatar, Kuala Lumpur dan telah di-hadhiri oleh 19 orang penuntut2 Brunei di-Malaysia Barat.

Setia Usaha sambutan tersebut, Awang Tuah Nordin dalam perutusan-nya telah menyatakan bahawa sambutan itu akan di-adakan dalam satu majlis makan bersirak di-rumah Awg. Alak Betatar yang akan berlangsung pada 23 September, 1967 sa-belah malam.

Awang Tuah menyatakan, lebih dari 150 orang raayat Brunei yang berada di-Malaysia Barat akan hadir dalam sambutan itu yang kebanyakan

nya terdiri dari pelajar2.

Pengetua2 Maktab, Pembesar2 Pulis Di-Raja Malaysia dan beberapa orang pensharah2 Universiti Malaya telah juga di-undang bagi menghadiri sambutan itu.

### JAWATANKUASA

Jawatankuasa bahagian2 Maktab Bahasa, Yahya Haji Ghafar; Universiti Malaya, Tuah Ahmad; Kolej Islam Petaling Jaya, Awang Ibrahim bin Orang Kaya Indera Lela Haji Ismail; Kolej Islam Klang, Awang Bolhasan Jair; Pulis Depot, Sgt. 69 Talip; dan Pulis Depot bahagian merinyu, Awangku Kamaluddin Pgn. Besar.

## LATEHAN PEMERENTAH BAGI 2 ORANG PEGAWAI PULIS

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kanan Pulis Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada minggu lalu untuk menjalani satu latehan pemerintah sa-lama tiga bulan di-Maktab Latehan Pulis Kuala Kubu, dekat Kuala Lumpur.

Pegawai2 itu ia-lah ASP Awang Mustapha bin Ahmad dan ASP B. M. G. Carvalho.

Baru2 ini dua orang pegawai kanan pulis, ia-itu ASP Pgn. Omar bin Pgn. Haji Apong dan ASP Chua Kwong Leng telah kembali dari maktab tersebut pada awal bulan ini sa-telah selesai menjalani kursus yang sama.

Sementara itu Pegawai Haiwan, Awang C. V. Subramaniam telah kembali dari Thailand dalam minggu lalu sa-telah membuat kajian mengenai penyakit kaki dan mulut yang menyerang kerbau-lembeu di-negeri itu.

Beliau telah singgah di-Kuala Lumpur untuk mengadakan perbinchangan dengan pegawai2 haiwan Pertubohan Makanan dan Pertanian (FAO) bagi daerah itu dan pengarah perkhidmatan haiwan Malaysia mengenai masa'alah haiwan yang di-hadapi bersama.

*Gunakanlah Bahasa  
Melayu*

## Talentine 1967: Abu Bakar Puan menang nyanyian persa-orangan

SERIA. — Peraduan Talentine anjoran Radio Brunei bahagian Inggeris peringkat sa-paroh akhir dan peringkat akhir telah berlangsung di-dewan Maktab Anthony Abell Seria pada hari Sabtu yang lalu.

Dalam pertandingan itu, enam peserta peringkat akhir telah di-pilih dari 13 peserta peringkat sa-paroh akhir dalam bahagian menyanyi persa-orangan, lima dari kumpolan dan empat dari kumpolan instrumental.

Peserta yang berjaya dalam bahagian menyanyi persa-orangan Abu Bakar Paun dari Seria telah menyandang gelaran johan, naib johan David D'Alwis dari Bandar Brunei dan ketiga Freddie Lao juga dari Bandar Brunei.

Bahagian menyanyi kumpolan pertama The Veronicas dari Seria, kedua Mathews Brothers dari Kuala Belait dan ketiga Tornadoes dari Seria.

Bahagian kumpolan instrumental, pertama Dominos dari Bandar Brunei, kedua Vanguard dari Seria dan ketiga Tornadoes dari Seria.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.



Sa-ramai 52 orang anggota Persatuan Peladang dari Kampong Bukit Udal telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas pada minggu lalu untuk menyaksikan bagaimana chara2 berchuchok tanam sa-chara moden.

Gambar di-atas menunjukkan ahli2 peladang itu sedang memerhatikan pokok2 tanaman yang di-tanam di-pusat tersebut.

## BRUNEI SANDANG NAIB JOHAN PIALA BORNEO TAHUN INI MUTU PERMAINAN SEMAKIN MENINGKAT BAIK

**BANDAR BRUNEI.** — Dalam perlawanan bola sepak kerana merebut piala Borneo antara tiga wilayah yang telah berlangsung di-Sandakan selama tiga hari yang berakhir pada hari Ahad lepas, Sabah telah berjaya memenangi piala tersebut dengan kemenangan satu mata saja.

Dalam perlawanan akhir antara Sabah dan Sarawak kedua2 pasukan telah tidak dapat mencapai gol kemenangan dan kedudukan-nya sehingga tamat permainan adalah seri dua gol berbalas dua.

Dalam perlawanan pertama antara Brunei dan Sarawak, Brunei telah mencapai kemenangan di-segi peraturan2 permainan yang telah di-putuskan oleh jawatankuasa pengadil.

Sa-benar-nya dalam perlawanan itu, Brunei di-kalahkan oleh Sarawak dengan 4 gol berbalas tiga, tetapi di-sebabkan Sarawak telah melanggar peraturan permainan, maka jawatankuasa tersebut telah memutuskan kemenangan itu di-beri kepada Brunei dengan tidak mengira gol hanya mengikut kiraan mata.

Menurut sa-orang juruchepak pemain2 Brunei yang telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin lepas bahawa dalam permainan separoh masa kedua, Sarawak telah memasokkan dua orang pemain2 baru-nya dalam separoh masa kedua. Sementara dalam separoh masa pertama Sarawak telah memasokkan sa-orang pemain-nya bagi menggantikan pemain yang cedera.

"Brunei terpaksa membantah tindakan Sarawak itu, ke-



Pemain2 yang telah mewakili Brunei dalam perlawanan bola sepak kerana merebut Piala Borneo yang telah berlangsung di-Sandakan pada minggu lalu bergambar ramai di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum mereka bertolak ka-Sandakan.

rana bertentangan dengan peraturan2 yang sa-benar-nya', tegas juruchepak itu.

Dalam perlawanan hari yang kedua, Brunei telah bertemu dengan Sabah dan keputusan perlawanan itu, Sabah telah mengalahkan Brunei dengan tujuh gol berbalas tiga.

Sabah dan Sarawak, dalam perlawanan akhir telah tidak berjaya menchipta gol kemenangan masing2 yang kesudahannya kedua2 pasukan itu adalah seri, dua gol berbalas dua.

Brunei telah mendapat gelaran Naib Johan dengan memperolehi dua mata; Johan, Sabah sa-banyak 3 mata dan

dengan Sabah dan keputusan Sarawak satu mata, Sarawak telah memegang Piala Borneo itu dalam tahun lepas.

Kelmarin, pasukan Sarawak

telah bertemu dengan pasukan Brunei dalam perlawanan persahabatan yang telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei.

### Berbagai2 acara sokan di-K.B. bola sepak di-waktu malam

**KUALA BELAIT.** — Sempena menyambut hari ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51 tahun, Daerah Belait telah merancang bagi mengadakan beberapa perlawanan sokan.

Perlawanan terek kalat peringkat awal bagi beberapa buah pasukan telah pun di-langsungkan bagi memilih pasukan2 yang akan memasoki perlawanan peringkat akhir nanti.

Menurut susunan rancangan, perlawanan terek kalat peringkat akhir itu akan di-langsungkan di-Padang Besar, Kuala Belait pada 26 September mulai pukul 5-00 petang.

Pada 22 September ini, perlawanan lumba basikal bagi murid2 sekolah akan di-langsungkan.

Perlawanan lumba basikal itu akan berlepas dari Panggong Roxana, Seria, dan akan berakhir di-Padang Besar Kuala Belait. Pada sa-belah petang-nya akan di-adakan pula perlawanan terek kalat peringkat pilehan ka-perlawanan akhir.

Senaman ramai dan tarian dari Murid2 Sekolah2 Belait akan di-adakan di-Padang Besar, Kuala Belait pada 24 September dari pukul 10-30 hingga pukul 11-00 pagi.

Temasha sokan di-ayer ia itu lumba perahu dan motobot akan di-mulakan pada pukul 11-00 pagi pada hari yang sama di-Sungai Belait.

Pada 25 September, 1967 akan di-adakan perlawanan bola sepak antara pasukan

Daerah Brunei dan Pasukan Daerah Belait di-Padang Besar, Kuala Belait.

Perlawanan lumba jalan kaki akan di-langsungkan pada 29 September, 1967. Peserta2 yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan itu adalah terdiri dari lelaki dan perempuan.

Peserta lelaki akan berlepas dari Gelanggang Sokan di-Seria, sementara peserta perempuan berlepas dari Padang Pasokan Penchegah Rusohan, Panaga. Perlumbaan itu akan berakhir di-Padang Besar, Kuala Belait.

Perlawanan hoki di-antara pasukan Daerah Brunei dan Daerah Belait akan di-adakan di-Padang Besar, Kuala Belait pada 30 September, 1967 pada pukul 5-00 petang.

Perlawanan bola sepak istimewa di-bawah sinaran lampu akan di-adakan di-Padang Besar juga pada hari yang sama mulai pukul 7-15 malam.

Perlawanan tersebut ia-lah antara Pasukan Daerah Belait dengan pasukan dari Miri, Sarawak.

### KRIKIT ANTARA TIGA WILAYAH BRUNEI DI-KALAHKAN SABAH

**SERIA.** — Sabah telah mengalahkan Brunei dengan tujuh "wicket" dalam perlawanan kriket antara wilayah Borneo di-padang Kelab Panaga pada hari Ahad lepas, untuk memegang terus piala Davidson.

Sabah sa-lepas mendapat 159 lari bagi tujuh pukulan pada hari pertama berbanding dengan lari yang di-buat oleh Brunei sa-banyak 140 telah berjaya mendapatkan 240 lari bagi sembilan pukulan pada hari Sabtu.

Den Navaratne yang telah berjaya mendapatkan 31 lari pada hari pertama telah berjaya meningkat kepada 61 lari.

K. Vijayarajam yang menyertai dalam "wicket" yang ke-9 telah dapat menyumbangkan 41 lari dengan chepat-nya.

Cox dan Jackman hanya-lah

pelontar2 Brunei yang berjaya. Cox mendapatkan 37 lari bagi empat pukulan dan Jackson mendapatkan 62 mata dalam tiga pukulan.

Brunei telah memulakan permainan sa-lepas berehat tengah hari dan berjaya mendapatkan 144 untuk menyela-matkan negeri ini dari kekalahan dalam giliran.

Waterland yang telah bermain dengan chemerlang telah berjaya mendapat 43 lari. Lain2 pemukul bola yang berjaya mendapatkan lari berganda ia-lah Ferguson 36, Rassip 17, Hengst 16 dan Holmes 10.

Kepten Sabah, Arthur Dews telah berjaya mendapatkan 12 wicket sepanjang perlawanan itu. S. Augustine telah mendapatkan 28 lari dalam dua wicket.

## DUA ORANG PENUNTUT MAKTAB SOAS KA-CANADA UNTUK JALANI PELAJARAN2 KEJURUTERAAN DAN PERUBATAN

BANDAR BRUNEI. — Dua orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berlepas ka-Canada pada hari Khamis yang lalu untuk melanjutkan pelajaran mereka di-University McGill.

Mereka itu ia-lah Awang Hamdilah bin Abdul Wahab dan Awang Matdanan bin Haji Ja'afar.

Awang Hamdilah akan melanjutkan pelajaran dalam jurusan kejuruteraan manakala Awang Matdanan akan mengambil dalam jurusan perubatan.

Kedua2 mereka itu telah diberikan dermasiswa Kerajaan Brunei.

Awang Matdanan telah lulus dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Sa-berang Laut (Senior Cambridge) dengan mendapat Grade Satu dalam tahun 1966, sementara Awang Hamdilah telah lulus dalam peperiksaan yang mana pada tahun lalu dengan mendapat Grade Dua.

Baru2 ini sa-orang penuntut Brunei, Awang Selamat bin Munap telah kembali dari Canada sa-telah berjaya mendapatkan ijazah B.A. (Ekonomi) dari University McGill.



Dua orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin digambar sa-jurus sa-belum mereka berlepas ka-Canada untuk melanjutkan pelajaran mereka. Di-kiri ia-lah Awang Matdanan bin Haji Ja'afar dan Awang Hamdilah bin Abdul Wahab.

## HARI PELADANG DI-SELUROH NEGERI DI-ADAKAN PADA TARIKH2 BERASINGAN

BANDAR BRUNEI. — Pertunjokkan, Pertanian, Hari Peladang akan di-adakan di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Tutong dalam bulan ini dan peladang2 akan di-pelawa untuk mempamerkan hasil tanam2an mereka.

Hari Peladang itu yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian ada-lah menggantikan Pertunjokkan Pertanian yang di-adakan di-Bandar Brunei pada sa-tiap tahun di-masa2 lampau.

Hari Peladang itu bertujuan untuk menghimpunkan peladang2 dalam tiap2 daerah guna bertukar2 fikiran dan membincangkan masa'alah2 yang dihadapi bersama dalam bidang pertanian.

Di-Daerah Brunei dan Muara, Hari Peladang itu akan di-adakan di-padang SMJA pada 22 dan 23 September. Ia-nya akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.

### BAGI DAERAH BELAIT

Pertunjokkan Pertanian bagi peladang2 dalam Daerah Belait akan di-adakan di-Kuala Belait pada 24 September dan bagi peladang2 dalam Daerah Tutong akan di-langsungkan di-Bukit Bendera, Tutong pada 30 September.

Sa-orang juruchakap Jabatan

Pertanian berkata, peladang2 akan di-berikan gerai untuk mempamerkan hasil pertanian mereka.

### BARANG PAMERAN

Barang2 yang akan di-pamerkan dalam Hari Peladang itu akan di-hadkan kepada sayor2an, buah2an, padi, ayam, itek dan pertukangan tangau. Barang2 yang di-pamerkan itu boleh di-jual kepada orang ramai dan di-bawa pulang sa-baik2 sahaja pertunjokkan itu di-tutup.

Hadhiah2 akan di-berikan kepada barang2 yang terbaik sekali dalam pameran itu dan untuk menentukan kejayaan hari peladang, kerajaan telah membenarkan Jabatan Pertanian membelanjakan wang sa-banyak \$10,500 untuk mendirikan gerai2 dan membeli hadiah2.

**Fardhu Haji:**  
**395 orang**  
**tunaikan**  
**tahun hadapan**

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran bagi permohonan2 untuk menunaikan fardhu haji pada tahun hadapan telah ditutup pada 11 September yang lalu.

Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mendaftarkan sa-banyak 395 orang dari negeri ini yang ingin menunaikan fardhu haji, berbanding dengan 236 orang yang telah pergi ka-Mekah pada tahun lalu.

### PENDAFTARAN

Pendaftaran itu pada mulanya telah di-tutup pada 30 Jun, tetapi di-buka sa-mula dalam bulan Ogos.

Dalam masa itu, sa-banyak 16 permohonan baru telah di-daftarkan.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, sa-banyak 64 orang pemohon akan pergi ka-Mekah dengan kapal terbang.

## Pembinaan bagi jambatan2 yang lebeh kukuh di-Lamunin

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya akan membina beberapa buah jambatan batu di Jalan Lamunin.

Projek itu melibatkan kerja2 meruntuhkan 10 buah jambatan kayu dan menggantikannya dengan jambatan2 batu.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, tawaran2 bagi kerja2 itu akan di-pelawa tidak lama lagi dan kerja2 bagi projek itu akan di-mulakan pada tahun depan.

### BELANJA PEMBENAAN

Jambatan2 batu itu di-taksirkan akan menelan belanja sa-banyak kira2 \$300,000.

Jalan raya Lamunin itu sedang di-perbaiki dengan di-bubohi minyak tar.

Kira2 empat batu dari jalan raya itu maseh belum di-kerja-kan.

Juruchakap itu berkata, kerja2 bagi jambatan batu di-Jalan Gadong sedang berjalan dengan lancar. Jambatan itu di-jangka akan siap pembenaannya sa-belum penghujung tahun ini.

## BALEK DARI PERSIDANGAN PEGAWAI2 UKOR

BANDAR BRUNEI. — Juru Ukor Agong, Awang N. C. Peat telah kembali ka-negeri ini sa-telah menghadiri satu persidangan pegawai2 ukor negeri2 Commonwealth yang telah berlangsung di-Cambridge, England.

Beliau di-iringi oleh Awang Abdul Rahman bin Kahar, sa-orang Penulong Juru Ukor, yang telah turut serta hadir dalam persidangan itu.

Awang Peat berkata, persidangan tersebut telah mencapai kejayaan dan sangat2 memberikan faedah kepada negeri Brunei.

Beliau menyatakan, mutu kerja2 mengukur tanah-milek dan meratakan tanah sa-chara teliti yang di-usahakan oleh Jabatan Ukor di-negeri ini adalah sa-taraf jika di-bandingkan dengan lain2 negeri.

Awg. Peat dan Awg. Abdul Rahman telah sempat melawat Bandar Pengurus Overseas Surveys, Ibu Pejabat Ordinance Survey dan Messrs. Hunting sa-lapas persidangan itu.

## PENYELARASAN JALAN RAYA BRUNEI

(Dari muka 1)

Juruchakap itu berkata, dalam hubungan projek2 tertentu dalam mana Brunei melahirkan minat-nya, hanya bantuan teknikal sahaja yang di-perlukan.

Persidangan itu telah diadakan khusus untuk melahirkan pengakuan tentang mustahak-nya pengangkutan dan perhubungan kepada perkem-

angunan sa-suatu negeri serta juga perkembangan sa-suatu daerah.

Tujuan persidangan itu ialah untuk membolehkan kerja2 di-Asia Tenggara menimbang-kan langkah2 dalam usaha memperbaiki kerjasama dan penyelarasan pengangkutan dan perhubungan di-rantau itu dengan chara yang sesuai untuk mendapatkan bantuan luar.



Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak sedang berucap di-Persidangan Pengangkutan dan Perhubungan bagi pegawai2 Asia Tenggara di-Kuala Lumpur. Perwakilan Brunei kelihatan duduk di-barisan depan sa-belah kanan.

## SISTEM EJAAN YANG BARU

DI-BAWAH peratoran2 baru mengenai sistem ejaan yang baru menurut persetujuan yang telah di-chapai antara Malaysia dan Indonesia beberapa perubahan telah berlaku.

Pada masa ini usaha2 untuk memeserakan ejaan baru itu dengan orang ramai sedang berjalan dan akan di-teruskan sa-hingga orang ramai benar2 mesera dengan ejaan yang baru itu.

Menurut peratoran ejaan yang baru itu, sebutan dua huruf yang kecil "ch" yang di-gunakan untuk perkataan yang mempunyai "chuchi" di-gantikan dengan huruf tunggal "c" sahaja dan huruf "sh" yang di-gunakan bagi perkataan "shaitan" umpama-nya di-gantikan dengan huruf "sy".

Misalan bagi perubahan2 yang tersebut di-atas saperti ejaan bagi perkataan "chuchi" di-ubah dengan mengeja "cuci" saja. "China" yang di-sebut bagi sebutan nama negeri itu pada masa ini di-eja "cina" saja.

Ejaan "shaitan" yang di-gunakan selalu-nya, pada masa ini telah di-ubah kepada ejaan "syaitan" atau ejaan perkataan "sharat" menjadi "syarat".

Berikut ini ia-lah beberapa misalan:

Ejaan lama:

burung  
pukul  
putih  
ikut  
sirih  
telur  
adek  
bersch

Ejaan baru:

burung  
pukul  
putih  
ikut  
sirih  
telur  
adik  
bersih

## Tarikh adakan kereta berhias di-ubah

BANDAR BRUNEI.—Jawatan-kuasa peraduan kereta berhias dan tanglong berjalan kaki dengan serta merta telah mengumumkan bahawa tarikh 24 September yang di-jadualkan untuk mengadakan peraduan itu telah di-ubah kepada 29 September, 1967.

Keputusan ini telah di-ambil berikutan dengan beberapa perkara tidak dapat di-elakkan.

Atas perubahan itu, peserta2 yang mengambil bahagian dan para jemputan ada-lah di-minta supaya hadir pada tarikh 29 September.

## Pembinaan Sekolah Menengah boleh menampung 2,000 penuntut

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 menyiapkan tapak Sekolah Menengah Melayu yang di-chadangkan di-Jalan Muara telah pun di-mulakan dan ia-nya berjalan dengan memuaskan.

Sekolah itu akan menempatkan penuntut2 menengah Melayu dari seluruh negeri.

Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Awang McInnes berkata, sekolah yang akan menampung 2,000 orang penuntut itu juga, akan memberikan peluang sa-penuh-nya untuk memperbaiki diri dalam jurusan sokan dan olahraga.

Ia-nya akan di-lengkapi dengan kemudahan2 untuk sokan dan olahraga yang akan merupakan satu bahagian penting bagi kegiatan2 tambahan kerana menguatkan akhlak penuntut.

Sa-ribu dari penuntut2 itu akan diam di-asrama2 dalam sa-buah kampus sa-luas 40 ekar. Asrama2 ada-lah berasingan bagi 600 orang pelajar lelaki dan 400 perempuan.

Sementara guru2-nya akan diam di-bangunan2 yang ber-

hampiran sekolah yang meliputi lapan buah "quarters staff"; 12 buah jenis class E; 36 class "F" yang berupa rumah pangsa; sa-buah bangunan sa-puluh unit, barrek dan sa-buah surau.

Sekolah yang di-chadangkan itu, akan mempunyai kelas pelajaran rumah tangga bagi penuntut2 perempuan dan kerja2 pertukangan kayu serta kelas2 pertukangan besi bagi pelajar2 lelaki, dan ia-nya ada-lah memberikan kemudahan pelajaran kepada penuntut2 di-sekolah Melayu yang semakin ramai menjadi penuntut menengah tiap2 tahun.

Dato McInnes berkata, jabatan pelajaran juga merancang akan membena sekolah2 menengah, jika penuntut2-nya menchukupi.

## Mengatasi kepinchangan masyarakat

(Dari muka 4)

indah persatuan dengan hanya mengeluarkan perbelanjaan yang tidak banyak.

Sa-bilangan Persatuan2 di-negeri ini telah menampakkan kegiatan2 pergerakan dengan menggunakan dan mementingkan tenaga dan kemudahan yang ada pada mereka, dan oleh kerana mereka belum dapat membuat paku dan atap zinc maka itu saja yang mereka terpaksa beli. Saya berharap persatuan2 dan badan2 belia dan kebajikan yang lain dalam negeri ini akan menhantohi kegiatan2 dan langkah2 baik persatuan tersebut.

Dari penyata2 atau laporan2 yang di-terima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kebanyakan persatuan2 belia dan kebajikan di-Brunei ini menumpukan hasrat untuk bergerak dalam bidang iktisad, tegas-nya untuk membena kedai kecil mereka sa-bagai langkah permulaan bagi mengatasi keruntuhan iktisad di-kalangan masyarakat dan bangsa kita.

Tidak-lah salah kalau saya menegaskan bahawa tahun ini (1967) ada-lah "tahun iktisad" bagi persatuan2 belia dan kebajikan di-Darul Salam ini.

Atas hasrat dan chita2 baik ini

saya ucapkan shabass dan tahni'ah kepada persatuan2 yang telah sadar itu. Do'a dan harapan saya samoga kemajuan demi kemajuan akan tercapai-lah hendak-nya in sha Allah!!

Hanya dalam menumpukan chita2 ka-arrah bidang iktisad ini jangan-lah mengeneipkan tujuan2 pokok yang lain persatuan kerana kepentingan-nya tidak-lah kurang mustahak di-sisi masyarakat dan bangsa yang sedang membangun dalam lapangan ini. Kesedaran kita hari ini ada-lah untuk kepentingan kita dan keturunan kita juga.

Dalam tugas2 yang di-selenggarakan hendak-nya-lah atas durongan dari niat yang baik dan oleh itu walau sa-ribu rentangan akan tetap di-tempoh dan insha Allah rentangan itu akan mengalah juga. Kerja2 yang di-buat kerana Allah ada-lah kerja2 yang pasti akan mendapat kejayaan dan hidup kita akan tetap memberi erti yang sa-benar-nya.

Perturunkan-lah kerja2 dan tugas2 serta kegiatan2 membena ini kepada keturunan2 akan datang dan dengan itu khidmat suci akan tetap kekal walau kita lenyap dari muka bumi ini untuk memenui seruan ilahi.

## Sharat bagi orang2 tahanan di-kendorkan

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan mengumumkan bahawa sharat2 yang di-kenakan ka-atas orang2 tahanan yang telah di-bebaskan ada-lah di-kendorkan dalam masa berlangsong-nya pesta2 sambutan untuk menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Sharat2 yang di-kendorkan itu akan berjalan sa-lama dua hari bagi tiap2 daerah.

Orang2 yang terta'alok ka-pada perintah berkurong di-bawah sharat tersebut ada-lah

di-benarkan bergerak dengan bebas dalam lingkungan negeri ini sa-hingga sa-belum tengah malam 23 dan 24 September, 1967 bagi Daerah Brunei dan Muara, 25 dan 26 September, 1967 bagi Daerah Belait, 26 dan 27 September, 1967 bagi Daerah Temburong dan 31 September hingga 1 Oktober bagi Daerah Tutong.

Orang2 yang terta'alok ka-pada perintah berkurong ini mesti-lah kembali ka-rumah atau kampong masing2 sa-belum tengah malam pada kedua2 malam itu.